

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS HIGH TEA ANJURAN PAN-PACIFIC SOUTHEAST ASIA WOMEN
ASSOCIATION (PPSEAWA)
Lokasi : HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR
Tarikh : 02-06-1989

Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Hajjah Saadiah Saadon, Presiden PPSEAWA Malaysia; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan hadirin sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama di majlis yang meriah ini dalam suasana aman dan damai.

2. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Presiden dan ahli-ahli PPSEAWA yang telah menjemput saya sebagai penaung PPSEAWA Malaysia ke Majlis High Tea ini sempena Hariraya tahun 1409 Hijrah. Saya difahamkan Majlis ini mempunyai beberapa tujuan. Di antaranya ialah untuk menjalin serta memperkukuhkan silaturahim di kalangan ahli-ahli PPSEAWA serta sahabat handai. Saya berharap PPSEAWA Malaysia akan dapat mempertingkatkan perpaduan bukan sahaja di kalangan masyarakat tempatan bahkan masyarakat asing yang bermastautin di negara ini. Seterusnya, hasil daripada usaha mengadakan majlis ini akan dapat menampung pembiayaan projek-projek masyarakatan yang dilaksanakan oleh PPSEAWA Malaysia bagi tahun 1989-90.

Puan-puan dan hadirin sekalian,

3. Sepertimana yang jelas kelihatan semangat untuk berbakti kepada masyarakat yang pincang merupakan salah satu daripada ciri-ciri semulajadi dalam hati sanubari wanita. Di negara kita, sebelum Peperangan Dunia Kedua lagi, wanita telah melibatkan diri dalam kerja amal yang bercorak kebajikan orang cacat, orang tua, anak-anak yatim dan keselamatan gadis. Selepas tahun 1945, bilangan pertubuhan sukela wanita telah berlipat ganda dan kini terdapat lebih kurang 200 pertubuhan yang berdaftar. Sejalan dengan peningkatan bilangan pertubuhan, jumlah keahliannya juga telah meningkat kepada lebih kurang satu juta orang. Lebih-lebih lagi bidang kegiatan dan bentuk projek juga telah diperluaskan yang meliputi bidang-bidang sosial, ekonomi, agama, kebudayaan, sukan, politik dan lain-lain lagi.

4. Pada amnya kesemua pertubuhan ini mempunyai satu matlamat yang sama iaitu meningkatkan kemampuan wanita untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam semua aspek pembangunan. Oleh yang demikian, tidaklah boleh dinafikan bahawa usaha sukarela wanita boleh memberi kesan yang nyata kepada pembangunan negara. Kesan-kesannya memang ketara hari ini. Walaupun demikian, untuk memastikan kekeksanan segala pembangunan yang diusahakan, pertubuhan-pertubuhan wanita hendaklah mengadakan penyelarasan agar pertindihan projek yang ketara akan dapat dielakkan demi untuk menjimatkan tenaga dan wang ringgit. Dalam hal ini juga, saya ingin mengesyorkan supaya seminar-seminar yang dirancangan hendaklah terlebih dahulu mengambil kira usul-usul yang diluluskan oleh seminar-seminar yang telah diadakan. Kita harus juga mengambil kira mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil sebagai tindakan-tindakan susulan daripada seminar-seminar yang lalu. Ini bagi mengelakkan pengulangan isu-isu yang dibangkitkan di samping dapat mengupas dan membincangkannya dengan lebih teliti.

5. Saya berasa bangga melihat banyaknya profesionalisme yang telah diserapkan dalam program-program pertubuhan sukarela yang kini berjalan dengan ghairahnya. Ini sangatlah menggalakkan memandangkan corak isu-isu yang muncul hari ini mempunyai beberapa aspek yang memerlukan pengendalian diri beberapa segi dan bimbingan serta penglibatan wanita dalam beraneka jenis profession.

Puan-puan dan hadirin sekalian,

6. Saya mengucapkan tahniah atas beberapa projek yang telah dilaksanakan oleh PPSEAWA semenjak ianya dihidupkan semula pada tahun 1985. Seterusnya sebagai penaung PPSEAWA, ingin saya menegaskan di sini bahawa tujuan utama PPSEAWA ialah untuk meneliti serta mengkaji dan mengadakan projek-projek bertujuan meningkatkan kemampuan wanita dalam bidang pendidikan, sosial, kebudayaan dan ekonomi, demi untuk memperbaiki mutu hidup keluarga. Keluarga merupakan unit asas dalam masyarakat. Untuk sebarang projek menunjukkan kesannya adalah perlu adanya kestabilan dalam keluarga. Saya difahamkan bahawa pihak PPSEAWA sedang merancang program kegiatannya bagi tahun 1989-90, dan saya berharap dalam merancang program kegiatan ini, PPSEAWA akan memberi perhatian kepada rancangan-rancangan yang akan memupuk kestabilan di kalangan keluarga dan perpaduan di kalangan masyarakat.

7. Di samping itu saya berharap PPSEAWA akan juga membuat persiapan yang rapi untuk menghadiri Persidangan "The Challenging World: Our Heritage And Our Future" yang diadakan di Bangkok pada bulan November 1990 nanti. Saya berharap PPSEAWA Malaysia akan menyediakan maklumat-maklumat yang perlu bagi memainkan peranan yang benar-benar berkesan di Persidangan itu nanti bagi meningkatkan imej PPSEAWA Malaysia.

8. Akhirnya saya berharap semoga Majlis ini akan menarik lebih ramai kaum wanita tampil melibatkan diri, seterusnya menganggotai PPSEAWA bagi membantu melaksanakan pelbagai program dengan jayanya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.